

18 OCT 2003

Gerakan-Lim

GERAKAN MAHU DR LIM TERUS TERAJUI PARTI

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Gerakan mahu Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik terus menerajui parti itu.

Timbalan presiden parti itu, Datuk Kerk Choo Ting berkata Jawatankuasa Pusat Gerakan dalam mesyuarat bulanannya hari ini telah membuat keputusan sebulat suara meminta Dr Lim terus menerajui parti itu.

"Namun keputusan itu dibuat oleh semua yang hadir tanpa pengetahuan Dr Lim yang ketika itu telah keluar daripada bilik mesyuarat," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyeru ahli politik veteran berundur bagi memberi peluang muka baru bertanding pada pilihan raya umum nanti.

Dr Lim menyertai Gerakan pada 1973 dan dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Perak dan Timbalan Presiden Gerakan Kebangsaan setahun kemudian.

Beliau dipilih menyandang jawatan Presiden yang dikosongkan oleh bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Tun Dr Lim Chong Eu pada Ogos 1980.

Sementara itu, pada sidang media selepas mesyuarat itu, Dr Lim berkata Gerakan hari ini memutuskan untuk menangguhkan semua persidangan perwakilan parti itu sehingga selepas pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata persidangan perwakilan cawangan, bahagian dan negeri sepatutnya bermula Mac tahun depan.

"Keputusan menangguhkan persidangan perwakilan parti dibuat sebulat suara ... bagi membolehkan semua anggota parti memberi tumpuan kepada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Lim berkata mesyuarat itu juga bersetuju menubuhkan pasukan petugas yang diketuainya sendiri bagi mengumpul maklumat mengenai perkembangan mutakhir persempadanan semula kawasan pilihan raya.

-- BERNAMA

NER HM DC MOZ